

Majlis Mineral Negara setuju syor TIM 2021-2030

BH 17/2/2021 m/s 15

Kuala Lumpur: Majlis Mineral Negara (MMN) yang bermesyuarat kali pertama semalam, bersejua dengan cadangan kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) sebagai agenda baharu pembangunan industri mineral di Malaysia.

Mesyuarat pertama itu yang dipengerusikan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali serta menteri, menteri besar dan ketua menteri, diadakan selepas Jemaah Menteri pada 28 Ogos tahun lalu, bersejua MMN diwujudkan semula.

Majlis itu pernah ditubuhkan menerusi keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Disember 1996, namun Kabinet pada 6 November 2009 bersejua menggabungkan MMN dengan Majlis Tanah Negara (MTN) berdasarkan isu tanah dan perlombongan yang saling berkait rapat.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah, dalam kenyataan semalam, berkata MMN yang diwujudkan semula itu akan menjadi platform utama kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri membincangkan isu dasar dan operasi berkaitan industri mineral.

"Ini dalam usaha mewujudkan perlombongan mampan selaras hasrat kerajaan untuk memperkukuhkan kembali peranan industri mineral dan sektor perlombongan sebagai komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara.



Mohamed Azmin mempengerusikan MMN yang bermesyuarat kali pertama di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto FB Azmin Ali)

"Pada mesyuarat ini, terdapat tujuh kertas dibentangkan yang menyentuh beberapa dasar penting berkaitan pelan transformasi industri mineral, prosedur operasi standard (SOP) perlombongan dan pengeksportan mineral, pengezonan kawasan mineral dan kemampanan industri perlombongan dan perkuarian di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, MMN bersejua dengan cadangan kerangka TIM 2021-2030 untuk membangunkan industri mineral secara menyeluruh dan bersepadu melalui transformasi di setiap peringkat rantaian nilai iaitu sektor hulu, pertengahan dan hiliran.

Katanya, ia bagi memastikan industri mineral dapat dibangun-

kan secara holistik dan memberi pulangan jangka panjang serta sebagai salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara.

"MMN juga akan memantau pelaksanaan TIM 2021-2030 yang sedang diusahakan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. MMN turut bersejua dengan kerangka dokumen SOP Aktiviti Perlombongan dan Pengeksportan Bauksit dan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Malaysia.

"SOP ini akan dijadikan rujukan dan panduan oleh pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi Persekutuan dan negeri, penggiat industri, badan profesional, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam.

"Inisiatif kerajaan dalam merangka dokumen ini mampu memastikan pelaksanaan aktiviti perlombongan ini diusahakan secara mampan," katanya menambah, MMN dimaklumkan mengenai cadangan pengezonan kawasan berpotensi untuk perlombongan dan perkuarian dalam proses perancangan fizikal negara.

Katanya, aktiviti pemetaan sumber mineral akan mengambil kira status tanah dan pembangunan di sekitar kawasan terabit bagi mendapatkan maklumat tepat kawasan yang mempunyai nilai mineral yang ekonomik untuk dilombong, bagi membolehkan pihak berkuasa negeriewartakan zon perlombongan dalam Pelan Struktur Negeri masing-masing.